

**Soalan No : 28**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]**

**TARIKH : 11.3.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dari 2009 apakah saluran yang digunakan untuk menyalurkan peruntukan bagi 523 sekolah Tamil, apakah sebab ianya kini disalurkan melalui lembaga pengurusan sekolah dan siapa penyelaras di bawah JPM untuk menangani isu sekolah Tamil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat keputusan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai melalui peruntukan khas penyelenggaraan (atau lebih dikenali sebagai PRK), ditetapkan bahawa bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) yang mantap, peruntukan untuk projek disalurkan kepada LPS tersebut. Manakala bagi SJKT yang tidak mempunyai LPS yang mantap, projek-projek pembangunannya akan dilaksanakan oleh KPM.